

## Penumpang tidak mohon kebenaran imigresen

**KUALA LUMPUR** - Kes sekumpulan penumpang yang tidak dibenarkan menaiki pesawat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada Sabtu lalu kerana tidak membuat permohonan ke luar negara dengan Jabatan Imigresen Malaysia.

Ketua Pengarah Jabatan Imigresen, Datuk Khairul Dzaimee Daud berkata, penumpang terbaik didapati mempunyai rekod pergerakan masuk ke Malaysia dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

“Mereka yang ditahan ketika berada di balai berlepas melibatkan individu rakyat Malaysia yang merupakan pemegang pas pemasautin tetap (PR) luar negara atau mereka yang bekerja di luar negara yang pulang dalam tempoh PKP dan ingin pergi semula ke luar negara,” katanya di sini semalam.

Menurutnya, ada dalam ka-

langan penumpang berkenaan baru pulang ke Malaysia dalam tempoh sebulan lalu dan ingin terbang semula ke luar negara atas alasan bekerja.

“Oleh itu, individu yang hendak ke luar negara, wajib memohon kelulusan daripada pihak imigresen dahulu.

“Syarat ini bertujuan mengejalkan rakyat Malaysia yang bekerja atau menetap di luar negara keluar dan masuk ke Malaysia sesuka hati, ketika negara masih berdepan penularan wabak koronavirus (Covid-19),” katanya.

Media sebelum ini melaporkan terdapat sekumpulan rakyat tempatan terkandas di KLIA pada Sabtu lepas kerana tidak dibenarkan ke luar negara walaupun mendakwa diri mereka tergolong dalam kumpulan yang dibenarkan ke luar negara tanpa memohon kelulusan berdasarkan garis panduan terbaru itu. - Bernama